

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 6 OKTOBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 14**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1441-L12186

**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) apakah pampasan yang diberikan kepada ahli keluarga mangsa yang terlibat dalam Insiden Tembakan di Pondok Pengawal Skuadron 330 Tentera Udara Diraja Malaysia, Kota Samarahan yang berlaku pada 13 Ogos 2021 ; dan
- (b) apakah tindakan daripada pihak Kerajaan dalam memastikan tahap kesihatan mental dalam kalangan anggota dan pegawai tentera dalam keadaan baik sekiranya itulah punca insiden ini.

2. PR-1441-L12509

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-

- (a) kedudukan Kerajaan mengenai rancangan untuk menghentikan pengusiran pelarian Rohingya; dan
- (b) tindakan politik dan kemanusiaan sehalu yang Kerajaan sedia ambil ke atas rampasan kuasa di Myanmar, di luar daripada payung ASEAN.

3. PR-1441-L11612

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh Kerajaan bagi mencegah serta mengelak kemasukan varian-varian baru COVID-19 yang dilaporkan lebih berbahaya ke negara ini.

4. PR-1441-L11821  
**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Hang Tuah Jaya ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah perancangan Kementerian di dalam merancakkan lagi pemberian vaksin harian dan apakah program vaksin bergerak (mobile vaccine) boleh dilaksanakan secara menyeluruh serta kenapa negeri Melaka menjadi antara negeri yang rendah kadar vaksinasinya.
5. PR-1441-L11527  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kaedah terperinci bagi meningkatkan pelaburan langsung dalam negara '*Domestic Direct Investment*' (DDI) dan '*Foreign Direct Investment*' (FDI) serta pelan bagi menaikkan ekonomi negara dan ekonomi rakyat dipulihkan dengan kaedah '*V curve*'.
6. PR-1441-L12457  
**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan keadaan kejadian banjir kilat semakin kerap berlaku mahupun di bandar atau desa pada masa kini. Apakah langkah-langkah dan dasar yang diambil oleh Kementerian dalam menangani masalah ini.
7. PR-1441-L11968  
**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah status penurapan semula dan bilakah Jalan Serian ke Tebedu, Jalan Persekutuan (FR21) akan dinaik taraf.
8. PR-1441-L11747  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelabur asing yang telah menutup perniagaan mereka, apa yang dilakukan oleh Kerajaan untuk mengekalkan mereka dan bagaimana untuk menarik lebih ramai pelabur asing semasa tempoh pandemik COVID-19 ini.
9. PR-1441-L12083  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Rang Undang-Undang (RUU) Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) atau dikenali sebagai RUU355 dan RUU Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam yang sudah sedia dibawa ke rundingan bersama negeri-negeri pada tahun lepas.

10. PR-1441-L11683  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kekangan Kerajaan dalam memvaksinasi penduduk Sabah sehingga hanya 42% penduduk Sabah telah diberikan dos pertama vaksin COVID-19 setakat 10 Ogos 2021. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mempercepatkan (*ramp up*) vaksinasi di Sabah bagi mencapai matlamat *herd immunity* COVID-19 di Sabah menjelang Oktober.
11. PR-1441-L11907  
**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) dan Bajet 2022 dapat memulihkan kedudukan kewangan dan ekonomi negara kita di alaf pasca COVID-19.
12. PR-1441-L12621  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan apakah tindakan-tindakan yang diambil untuk membebaskan para pengundi (*enfranchise voters*) yang berada di luar negara dan juga orang-orang dari negeri Sabah dan Sarawak yang berada di Semenanjung Malaysia untuk dapat mengundi dari Semenanjung atau luar negara dan adakah ia akan dilakukan secara maya atau/dan fizikal.
13. PR-1441-L11795  
**Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [ Besut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil dalam mempergiatkan lagi tabungan dan aset Wakaf bagi membantu rakyat yang terkesan akibat COVID-19, seterusnya membantu mengurangkan perbelanjaan Kerajaan.
14. PR-1441-L12554  
**Tuan Khalid bin Abd Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah status terkini program perbelanjaan bagi projek vaksinasi kebangsaan Kerajaan yang telah dijalankan dan jumlah penduduk Shah Alam yang telah menerima 2 dos lengkap vaksin dan bilakah jajngkaan Parlimen Shah Alam boleh mencapai *herd immunity*.
15. PR-1441-L11733  
**Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan status Jalan Jiwa Murni Nanga Merit - Belaga.

16. PR-1441-L11537  
**Dr. Ong Kian Ming [ Bangi ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan hasil siasatan yang dilakukan terhadap kemalangan di tapak pembinaan SUKE pada 22 Mac 2021, kemalangan di tapak pembinaan DASH pada 19 Jun 2021 dan kemalangan di pembinaan LRT3 tapak di Bandar Bukit Tinggi, Klang pada 30 Julai 2021 dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kemalangan ini tidak berulang di tapak-tapak pembinaan ini.
17. PR-1441-L12138  
**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) apakah kaedah terbaik yang akan diguna pakai oleh Kementerian bagi memastikan insiden pencerobohan ruang udara oleh tentera China tidak berulang ; dan
  - (b) adakah langkah jangka masa panjang yang akan dilaksanakan bagi memastikan keamanan serta kestabilan di Laut China Selatan.
18. PR-1441-L12431  
**Datuk Ignatius Darell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan kadar pemberian vaksin di Sabah terutama kepada rakyat di kawasan luar bandar dan pedalaman selain daripada pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera memandangkan kadar pendaftaran melalui aplikasi tersebut dan kadar vaksinasi adalah paling rendah di Malaysia.
19. PR-1441-L12622  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah drastik Kerajaan dalam usaha membendung pandemik COVID-19 yang telah meragut lebih daripada 13,000 nyawa; dan
  - (b) apakah usaha Kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19.
20. PR-1441-L11563  
**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan situasi pelaburan dan perindustrian di dalam negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19:-
- (a) permohonan pelaburan baharu dan jenis industri; dan
  - (b) permohonan atau pemakluman industri milik asing untuk memindahkan operasi ke luar negara.

21. PR-1441-L12252  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Laporan Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya (ERC) mengenai urusan memperbaiki pilihan raya dan persediaan SPR untuk mengkaji perjalanan pilihan raya yang lebih selamat dan telus ketika pandemik.
22. PR-1441-L11610  
**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar-dasar baru yang dilaksana oleh Kerajaan Perikatan Nasional sejak Mac 2020 dan sama ada dasar tersebut mencapai sasaran yang ditetapkan.
23. PR-1441-L11678  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kenyataan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Datuk Abdul Ghani Salleh bahawa pandemik COVID-19 bukan halangan untuk mengadakan Pilihan Raya Umum Ke-15 merupakan pendirian rasmi Kerajaan. Adakah SPR menjalankan apa-apa kajian mengadakan pilihan raya umum sekiranya pembubaran Parlimen berlaku dalam tempoh pandemik.
24. PR-1441-L11735  
**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program-program dan kejayaan-kejayaan utama Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) sejak ditubuhkan dan berapa perbelanjaan yang telah digunakan oleh jabatan tersebut, termasuklah jumlah perjawatan.
25. PR-1441-L11763  
**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini proses pemansuhan Seksyen 309 Kanun Keseksaan yang menjadikan cubaan bunuh diri sebagai satu jenayah memandangkan cubaan membunuh diri adalah disebabkan oleh keadaan kesihatan mental yang perlu dirawat dan bukannya dihukum.
26. PR-1441-L11662  
**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [ Segambut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan untuk penyediaan sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) bagi menyalurkan maklumat mengenai COVID-10 kepada pemilik nombor telefon sepanjang pandemik bermula Mac 2020 sehingga Ogos 2021, nyatakan kos, pihak dan cara penentuan setiap kandungan SMS.

27. PR-1441-L12250  
**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pindaan Seksyen 309 dan 306 Kanun Keseksaan untuk menyahjenayah cubaan bunuh diri.
28. PR-1441-L12633  
**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk membentangkan apa-apa akta untuk menetapkan tempoh penggal sesuatu sidang Parlimen seperti yang diperuntukkan Akta Penggal Parlimen Tetap di United Kingdom.
29. PR-1441-L11674  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membentangkan satu rang undang-undang untuk memastikan bahawa lompat parti diharamkan di negara kita kerana sejarah menunjukkan bahawa tindakan lompat parti seperti yang telah berlaku baru-baru ini boleh menjahanamkan negara kita.
30. PR-1441-L11977  
**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah diambil oleh Kerajaan supaya warganegara Malaysia berumur 18 tahun akan dibenarkan untuk mengundi pada Pilihan Raya Umum ke-15 akan datang.
31. PR-1441-L11596  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak pelaksanaan undang-undang darurat di Malaysia, berapa jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan bagi menguatkuasakan Proklamasi Darurat itu.
32. PR-1441-L11650  
**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional di sebalik tindakan mengetepikan penglibatan Wakil Rakyat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dari pembangkang dalam sesi libat urus berkenaan dengan perihal kesihatan awam yang meliputi COVID-19 yang diletakkan di bawah tanggungjawab Majlis Tindakan Daerah dan mesyuarat- mesyuarat berkaitan yang lain.
33. PR-1441-L11773  
**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [ Pulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen.

34. PR-1441-L11599  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan kes-kes mahkamah berprofil tinggi dari segi bilangan, kes diselesaikan, tertanggung dan perjalanan kes sewaktu tempoh Kerajaan sementara berjalan.
35. PR-1441-L12475  
**Tengku Zulpuri bin Raja Puji [ Raub ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan tindakan proaktif dalam memaksimumkan proses bagi suntikan vaksin COVID-19 dalam fasa 3.
36. PR-1441-L11483  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci mekanisme pengesahan kematian bagi Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 yang dikendalikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), dan jaminan mekanisme tersebut terhadap keberkesanan penyaluran bantuan buat mereka yang layak.
37. PR-1441-L11889  
**Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah penjawat awam bekerja dari rumah dalam fasa yang berbeza pada pandemik COVID-19 ini.
38. PR-1441-L11701  
**Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [ Temerloh ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan langkah yang telah diambil bagi menangani kos bahan binaan yang telah meningkat tinggi akibat 'Perintah Kawalan Pergerakan' di mana banyak projek pembinaan tergendala dan kontraktor-kontraktor kecil tidak berupaya menyiapkan projek-projek mereka.
39. PR-1441-L11964  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan tahap peratusan vaksinasi masyarakat luar bandar. Apakah ada dalam kalangan masyarakat bandar atau luar bandar antivaksin dan bagaimana Kerajaan menyelesaikan masalah tersebut.
40. PR-1441-L12645  
**Tuan Baru Bian [ Selangau ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bagaimanakah laluan jajaran terbaru Sarawak Sabah Link Road (Fasa 1). Adakah Surat Tawaran telah diberi kepada kontraktor dan bila dijangka tarikh siap projek tersebut.

41. PR-1441-L11587  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cadangan pindaan bagi arahan MKN No 23 serta apakah pertimbangan yang menyebabkan cadangan tersebut masih tidak dapat dimuktamadkan.
42. PR-1441-L(5)00075  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian Bahagian Sabah dan Sarawak di Jabatan Perdana Menteri dalam usaha untuk melaksanakan MA63 dan desentralisasi kuasa Persekutuan kepada negeri-negeri.

**[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]**

43. PR-1441-L12618  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan penjelasan tentang 'Kapasiti Lonjakan Operasi' di Lembah Klang, mengapa masih ada masalah tentang sistem pendaftaran untuk vaksinasi seperti warga emas tidak boleh '*walk-in*'; data terhilang; sudah daftar tetapi masih tidak ada temu janji; walaupun RM70 juta telah diperuntukkan untuk integrasi data vaksin COVID-19 untuk sistem temu janji dan apakah tindakan-tindakan yang tepat dan efisien telah/akan digunakan untuk melicinkan proses.
44. PR-1441-L12278  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah individu yang telah didakwa di mahkamah kerana menghina YAB Menteri Besar Kedah, dan apakah pendirian Kerajaan terhadap isu kritikan pemimpin dalam sebuah demokrasi seperti yang diamalkan di Malaysia.
45. PR-1441-L12184  
**Puan Yeo Bee Yin [ Bakri ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah kos purata pemberian setiap dos vaksin dan nisbah staf ke kapasiti untuk Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang berbeza – Mega PPV, PPV yang menggunakan fasiliti awam, klinik-klinik swasta dan PPV bergerak.
46. PR-1441-L11642  
**Datuk Liew Chin Jin @ Christina Liew [ Tawau ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapa jumlah daripada 29 buah pusat vaksinasi baru itu yang sudah atau akan ditubuhkan di Sabah. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengulangi gesaan kepada Kerajaan Persekutuan supaya mempertimbangkan keperluan menubuhkan satu pusat vaksinasi baru di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Apas. Buat masa ini, kawasan Parlimen 190 Tawau merangkumi tiga kawasan DUN iaitu Sri Tanjung, Bakung dan Apas tetapi ia hanya mempunyai dua buah pusat vaksinasi - satu di Sri Tanjung dan satu lagi di Balung.

47. PR-1441-L12117

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah gaji, gratuiti dan pencen bulanan yang layak diterima oleh para Duta Khas Perdana Menteri masing-masing selepas tamatnya tempoh Perdana Menteri yang Ke-8. Nyatakan tugas-tugas secara teliti yang telah dilakukan mereka.

48. PR-1441-L(5)00078

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila undang-undang wakaf akan dibentangkan seperti yang dijanjikan memandangkan jawapan sebelum ini disebut akan dibentangkan pada tahun 2020.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

49. PR-1441-L11779

**Datuk Mohd. Azis bin Jamman [ Sepanggar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini tuntutan Sabah ke atas Petronas berhubung rundingan penyelesaian isu Cukai Jualan Negeri (CJN) bagi produk petroleum dan kuasa pengawalseliaan ke atas sumber minyak dan gas, dan setakat ini, berapa jumlah yang telah dibayar oleh Petronas kepada Sabah.

50. PR-1441-L12159

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes bunuh diri pada tahun 2019, 2020 dan 2021 (sehingga Ogos) dan apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut serta sama ada Kerajaan berhasrat untuk mengusulkan supaya kes bunuh diri tidak dianggap satu jenayah di bawah undang-undang tetapi merupakan satu penyakit.

51. PR-1441-L11816

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Hang Tuah Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pengukuran kemiskinan pelbagai dimensi yang baru telah diwujudkan memandangkan berikutan penguatkuasaan PKP ini wujud golongan "miskin baharu" atau golongan "miskin berbeza" dan apakah strategi Kerajaan untuk memastikan masalah kemiskinan ini dapat diatasi di mana bantuan yang sepatutnya dapat disalurkan kepada kumpulan sasaran yang tepat.

52. PR-1441-L11469

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [ Kalabakan ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan kerangka pembangunan yang telah diperincikan oleh Kementerian bagi merealisasikan setiap satu fasa pembinaan Jalan Kalabakan-Serudung serta Kompleks Kastam Imigresen & Kuarantin (CIQ) Serudung, dan peranan yang dimandatkan kepada JKR Sabah bagi menjayakan kedua-dua projek tersebut.

53. PR-1441-L12660

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah iktibar daripada kegagalan Kerajaan menangani COVID-19 sehingga kes mencapai rekod tertinggi selepas PKP dan Darurat diisytiharkan dan bukan sebaliknya. Adakah Kerajaan bersedia untuk beralih daripada pembasmian kepada hidup bersama COVID-19 dengan membuka semula sektor ekonomi.

54. PR-1441-L11489

**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan relevan portfolio Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri dalam membantu Kerajaan mengekang COVID-19 dan inisiatif-inisiatif yang telah digerakkan oleh portfolio tersebut dalam menjayakan *ministerial agenda* bagi Program Imunisasi Kebangsaan seperti Kementerian-Kementerian lain.

55. PR-1441-L12664

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan penguatkuasaan Ordinan Darurat khususnya implikasi kewangan ke atas perbelanjaan Kerajaan dan pembelian vaksin dengan menggunakan dana Kumpulan Wang Amanah Negara.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan masalah dicadangkan :-**

"(a) **BAHAWA** Dewan ini,

**menyedari** akan cabaran untuk memulih serta menjana semula ekonomi negara bagi mencapai pertumbuhan yang mampan, dengan mengambil kira landskap sosioekonomi pasca COVID-19 dan pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020;

**merestui** usaha Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan semangat Keluarga Malaysia, aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030; dan

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2021 hingga 2025 yang menetapkan hala tuju strategik bagi mencapai objektif "Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan" dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama serta mengekalkan kelestarian alam sekitar, menurut Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2021.

(b) **BAHAWA** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan sepenuh komitmen dan iltizam yang jitu untuk membangunkan negara secara mampan bagi membolehkan setiap ahli Keluarga Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan kaum menikmati taraf hidup yang wajar. "

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 5 Oktober 2021 ]**

- |    |                 |   |                               |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | ( D.R 3/2021 )  | Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>   |                               |
| 3. | ( D.R 24/2020 ) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020  | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Kewangan ]</b>   |                               |
| 4. | ( D.R 13/2020 ) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020   | "                             |
|    |                 | <b>[ Menteri Sumber Manusia ]</b>   |                               |

5. ( D.R 14/2020 ) Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [ Menteri Sumber Manusia ]**
6. ( D.R 15/2020 ) Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 "
- [ Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi ]**
7. ( D.R 12/2020 ) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "
- [ Menteri Dalam Negeri ]**
8. ( D.R 2/2021 ) Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021 "
- [ Menteri Kewangan ]**
9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-
- "Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,500 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan".
10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-
- "Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM7,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang COVID-19".
11. PR-1441-U(27)201  
**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** akan mencadangkan :-
- "Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."
- [ Perdana Menteri ]**

12. PR-1441-U(27)202

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

**[ Perdana Menteri ]**

13. PR-1441-U(27)203

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;
2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;
3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan
4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

**[ Perdana Menteri ]**

14. PR-1441-U(27)204

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

<b>No</b>	<b>Portfolio Menteri</b>	<b>PSSC Sepadan Diperlukan</b>
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

**[ Perdana Menteri ]**

15. PR-1441-U(27)205

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

**[ Perdana Menteri ]**

16. PR-1441-U(27)206

**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi Kawasan Pengerang untuk mencadangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2021 dan Rang Undang-Undang Pemecatan Ahli-ahli Parlimen 2021."

**[ Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2021</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR. 5	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen Keempat Belas terhadap Tuntutan Faedah Atas Kelewatan Projek Perumahan PR1MA  1. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2. Perbadanan PR1MA Malaysia	6 Oktober 2021
ST. 8	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.8) 2020 P.U. (A) 341/2020 yang telah diwartakan pada 9 Disember 2020	6 Oktober 2021
ST. 9	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.10) 2020 P.U. (A) 344/2020 yang telah diwartakan pada 9 Disember 2020	6 Oktober 2021
ST. 10	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.11) 2020 P.U. (A) 368/2020 yang telah diwartakan pada 22 Disember 2020	6 Oktober 2021
ST. 123	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Sultan Zainal Abidin Bagi Tahun 2019	6 Oktober 2021
ST. 124	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaya Bagi Tahun 2019	6 Oktober 2021
ST. 127	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi MARA Bagi Tahun 2019	6 Oktober 2021
ST. 134	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Bagi Tahun 2019	6 Oktober 2021

<u>TAHUN</u> <u>2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 141	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) 2021 P.U. (A) 61/2021 yang diwartakan pada 17 Februari 2021	6 Oktober 2021
ST. 142	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.2) 2021 P.U. (A) 144/2021 yang diwartakan pada 30 Mac 2021	6 Oktober 2021
ST. 143	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.3) 2021 P.U. (A) 194/2021 yang diwartakan pada 26 April 2021	6 Oktober 2021
ST. 144	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.4) 2021 P.U. (A) 227/2021 yang diwartakan pada 10 Mei 2021	6 Oktober 2021
ST. 145	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.5) 2021 P.U. (A) 261/2021 yang diwartakan pada 8 Jun 2021	6 Oktober 2021
ST. 146	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.6) 2021 P.U. (A) 270/2021 yang diwartakan pada 16 Jun 2021	6 Oktober 2021
ST. 147	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) 2021 P.U. (A) 319/2021 yang diwartakan pada 29 Julai 2021	6 Oktober 2021
ST. 148	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) 2020 P.U. (A) 25/2020 yang diwartakan pada 24 Januari 2020	6 Oktober 2021
ST. 149	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.2) 2020 P.U. (A) 125/2020 yang diwartakan pada 24 April 2020	6 Oktober 2021

<u>TAHUN</u> <u>2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 150	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.5) 2020 P.U. (A) 210/2020 yang diwartakan pada 24 Julai 2020	6 Oktober 2021
ST. 151	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.6) 2020 P.U. (A) 226/2020 yang diwartakan pada 6 Ogos 2020	6 Oktober 2021
ST. 152	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.7) 2020 P.U. (A) 305/2020 yang diwartakan pada 19 Oktober 2020	6 Oktober 2021
ST. 153	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.9) 2020 P.U. (A) 343/2020 yang diwartakan pada 9 Disember 2020	6 Oktober 2021
ST. 154	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) 2020 P.U. (A) 56/2020 yang diwartakan pada 12 Februari 2020	6 Oktober 2021
ST. 155	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) (No.2) 2020 P.U. (A) 275/2020 yang diwartakan pada 24 September 2020	6 Oktober 2021
ST. 163	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur Bagi Tahun 2019	6 Oktober 2021

**\*\*UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 06.10.2021 (Rabu)	1. YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau (Tuaran)	1. Kelewatan Pelaksanaan Cadangan Projek Menaik Taraf Jalan Bulatan Berungis Ke Bulatan Mengkabong Dan Ke Pekan Tuaran, Sabah	1. YB Menteri Kanan Kerja Raya
2. 06.10.2021 (Rabu)	2. YB Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus (Hulu Langat)	2. Desakan Menyegerakan Pelaksanaan Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan FT3210 Dari Persimpangan Batu 9 Ke Persimpangan Jalan Dato' Alias, Termasuk Pembinaan Jejambat Merentasi Persimpangan Batu 9, Dan Laluan FT3210 Hingga Ke Pekan Batu 18, Cheras Daerah Hulu Langat, Selangor	2. YB Menteri Kanan Kerja Raya

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**